

Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain kriteria yang berikut:

- Integriti, kompetensi dan pengalaman;
- Objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- Ketegasan. Kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- Kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan ;
- Kesihatan fizikal dan mental.

Seseorang yang merupakan hakim atau persuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang lewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakan kepelbagaian dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman



[Bagaimana Pesuruhjaya Menilai](#)

